

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: WAWANCARA PERDANA MENTERI DENGAN KETUA
PENGARANG AKHBAR UTUSAN DAN TIM. PENGARANG AKHBAR
NEW STRAITS TIMES DLM PROG "BERSAMA PM"

TEMPAT: RTM, KUALA LUMPUR

TARIKH: 26 FEB 1997

MASA:

En. Johan Jaaffar:

Salam sejahtera saudara penonton yang saya hormati. Rasanya tidak ada satu gagasan yang paling banyak diperkatakan dan pada waktu yang sama paling kurang difahami serta paling banyak menimbulkan salah faham selain gagasan mengenai Multimedia dan khususnya Koridor Raya Multimedia dalam konteks kita. Tidak kurang pentingnya ialah gerakan untuk memastikan Malaysia memanfaatkan sepenuhnya teknologi multimedia ini. Apabila kita bercakap tentang `smart card' atau kad bijak, ekonomi digital, malah kerajaan eletronik, ia sebenarnya bukan merupakan impian yang arif malah merupakan sebahagian daripada teras masa depan negara. Malah Malaysia bersedia untuk menjadi pelopor bagi merealisasikan apa yang selama ini hanya mampu dimimpikan oleh para pengasas multimedia sendiri ya'ni untuk mewujudkan sebuah Koridor Raya Multimedia yang sebenar. Namun demikian seperti halnya dengan banyak cadangan dan gagasan baru, MSC dan usaha Kerajaan itu telah juga mendapat kritikan tidak kurang hebatnya. Dan untuk melihat dengan lebih mendalam MSC serta menjawab sebahagian daripada beberapa kritikan ini, bersama-sama di studio ialah Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Terima kasih Dato Seri kerana sudi meluangkan masa untuk wawancara ini. Untuk sama bertukar fikiran tentang MSC ialah Saudara Ahmad Talib, Penolong Pengarang Akhbar New Straits Times. Saya mulakan dengan Saudara Ahmad Talib untuk membuka gelanggang perbincangan. Silakan.

En. Ahmad Talib:

Dato, sepertimana yang telah dikatakan oleh Saudara Johan tadi Multimedia Super Corridor ini menjadi satu tajuk perbualan hangat merata-rata sama ada di rumah, di kedai kopi, di pejabat dan sebagainya. Mungkin kita boleh mulakan dengan sedikit penerangan yang agak `detail' daripada Doktor; apakah yang dimaksudkan dengan MSC ini?

Dato Seri:

MSC ialah satu rancangan untuk menangani masalah perubahan daripada zaman industri kepada zaman teknologi maklumat. Ini adalah suatu perkara yang agak baru yang tidak semua daripada kita memahami atau pun mengetahui

arahnya. Dengan itu kita harus mengadakan percubaan dan kalau kita ada percubaan untuk seluruh negara, kalaulah ianya membawa keburukan, agak sukar bagi kita untuk mengawal. Sebaliknya kalau kita tentukan satu kawasan yang mana kita boleh ada satu percubaan yang terkawal, maka ianya mengurangkan kemungkinan bahaya berlaku kepada negara kita. Sebab itu kita tentukan kawasan ini iaitu antara Kuala Lumpur dengan Lapangan Terbang baru dan dalam kawasan yang berukuran 15 kilometer dengan 50 kilometer ini. Kita akan ada percubaan di dalam semua aspek gerakan masyarakat yang melibatkan teknologi maklumat supaya kita dapat mengetahui apa kebaikannya, apa keburukannya dan cara mana kita dapat mencegah yang buruk dan membenarkan sesuatu yang baik.

En. Johan Jaaffar:

Apakah wawasan Dato Seri dalam soal MSC ini, apakah arah Malaysia yang ingin tercapai dalam konteks ini untuk masa depan?

Dato Seri:

Kita harus mempertahankan kedudukan kita di masa depan. Untuk mempertahankan kedudukan kita perlu tahu apa yang akan menyerang kita. Dalam zaman maklumat ini, perenggan ataupun sempadan antara negara-negara tidak bermakna lagi. Kita tidak boleh sekat kemasukan maklumat dengan mengadakan tentera di sempadan umpamanya kerana maklumat ini datang melalui angkasa dan kita tidak mungkin menghalang penerimaan maklumat ini oleh rakyat Malaysia. Justeru itu kita terpaksa mencari jalan supaya maklumat ini dapat ditangani oleh kita dengan cara yang tidak memburukkan keadaan kita. Ini yang menyebabkan kita mengambil berat tentang mengadakan MSC, ini supaya di kawasan yang kecil ini kita dapat tahu bagaimana kita akan menerima maklumat ini dan bagaimana kita mengagihkan maklumat ini, menggunakan maklumat ini supaya kita dapat manfaat sepenuhnya.

En. Johan Jaaffar:

Selama ini pun Malaysia telah mencapai ekonominya tanpa kita bercakap tentang Multimedia malah kita telah mencapai kedudukan yang sangat dihormati terutama di kalangan negara-negara yang sedang membangun. Ada soalan yang menanyakan 'can we do without it'? Apakah perlunya misalnya Multimedia kali ini untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi atau apa kaitannya dengan masa depan negara kita?

Dato Seri :

Kita boleh kalau kita tidak hendak. Samalah dengan dahulu, kita merupakan sebuah negara pertanian dan kalau kita kekal sebagai negara pertanian, kita pun dapat makan cukup, kita tak akan mati kebuluran tetapi kita akan ketinggalan di dalam bidang-bidang lain. Kita akan dihina dan ditindas oleh orang lain. Sebab itu segala yang baru ini kita mesti faham dan kuasai supaya kebebasan kita, 'independence' kita dapat dipelihara

kerana kita tahu apa dia yang menyerang kita dan dengan itu kita dapat menangkis serangan ini.

En. Ahmad Talib:

Doktor, ekoran daripada soalan saudara Johan tadi, mungkin ada juga sebahagian daripada masyarakat kita yang masih lagi belum cukup maju, ada aspek kemiskinan umpamanya, jadi mungkin dalam keadaan itu mereka mungkin merasa ini satu perkara ataupun perkembangan yang janggal. Jadi maknanya apakah Multimedia Super Corridor ini menjadi salah satu keutamaan dalam aspek sesebuah negara?

Dato Seri:

Sebenarnya kita tidak pernah dengan kerana adanya kemiskinan maka kita tidak ada usaha untuk meningkatkan pengetahuan rakyat kita yang mampu menguasai pengetahuan ini supaya mereka dapat mencapai kejayaan. Kalau kita perlu tunggu semua orang berjalan sama setelah menjadi sama kuat, sama kaya, maka kita akan tunggu sampai bila-bila masa pun. Jadi sementara kita menangani masalah kemiskinan ini dan kita telah berbuat demikian, kita juga perlu memberi tumpuan kepada perkembangan yang berlaku di seluruh dunia yang akan mempunyai kesan terhadap kita, yang mana kita tidak boleh elak. Kita tidak ada kuasa untuk mengelak, hendak mengasingkan diri kita ataupun hendak memulaukan diri kita di zaman moden ini.

En. Johan Jaaffar:

Ada pandangan yang mengatakan bahawa tidak cukupkah dengan `backlash' daripada pembangunan dalam konteks masalah sosial yang negatif masa kini kita berdepan pula dengan satu lagi teknologi baru yang sebenarnya masih dalam peringkat pembinaan. Apakah tidak nanti kita akan menghadapi masalah yang lebih besar daripada masalah sosial yang kita hadapi sekarang ini Dato Seri?

Dato Seri :

Hakikatnya ialah kita tidak dapat menangkis serangan daripada luar. Jadi sama ada kita hendak atau tidak, zaman maklumat ini akan membawa bermacam-macam maklumat. Tidak ada cara kita boleh sekat maklumat ini daripada diterima oleh rakyat kita. Jadi kita tidak ada pilihan sebenarnya. Hendak tidak hendak ini akan berlaku. Ada lebih baik kita cari sedikit manfaat daripada perubahan ini dan mungkin boleh memahami cara-cara menangkisnya, cara-cara memelihara, menyelamatkan diri.

En. Johan Jaaffar:

Dalam konteks ini saya ingin bertanya Dato Seri apakah kita sudah mempersiapkan rakyat kita bukan sahaja dari segi prasarana dan fisikalnya tetapi juga dari aspek mental berhubung dengan suatu teknologi yang hebat diperkatakan ini?

Dato Seri :

Ya, kita beransur-ansur berbuat demikian. Sekarang ini semua orang sedar adanya Multimedia Super Corridor,

adanya zaman maklumat, industri maklumat dan bermacam-macam lagi sekarang ini yang menjadi perkara yang dibincang dengan meluas. Tetapi kefahaman mungkin belum cukup mendalam, bahkan di seluruh dunia pun terdapat orang yang tidak faham. Dengan mereka yang saya berbincang perkara ini, ada juga mereka yang tidak faham apa dia teknologi maklumat ini. Jadi hanya kerana kita kurang faham tidak bermakna kita tidak harus berusaha mencapai kefahaman ini.

En. Ahmad Talib:

Tadi Doktor ada sebut tentang faedah atau nikmat yang akan dapat kita nikmati daripada MSC. Mungkin Doktor boleh terangkan kepada rakyat biasa umpamanya, kepada seorang kerani, kepada seorang guru ataupun kepada kakitangan kerajaan bagaimana `application' multimedia ini boleh memperbaiki nilai hidup mereka, kerja mereka umpamanya?

Dato Seri:

Sebagai satu contoh di zaman dahulu tidak ramai daripada kita yang belayar ke luar negeri, pergi luar negeri. Sekarang ini tiap-tiap tahun 16 juta orang Malaysia pergi ke luar negeri. Kalau dahulu kita mempunyai satu Jabatan Imijeresen yang mengeluarkan paspot mencukupi untuk cuma orang membuat kerja Haji, tetapi untuk menangani bilangan yang meningkat dengan begitu pesat ini kita tak mungkin tangani. Di sini kita perlu memikir apa cara untuk mengatasinya. Seperti juga bank sekarang ini diguna oleh semua orang. Dahulu berapa orang pergi ke bank. Zaman saya masa dahulu tidak ada orang tahu bank pun. Sekarang semua orang pergi bank, semua orang guna bank. Tetapi apakah kita perlu tambah pekerja dalam bank kerana orang yang terlalu ramai. Dalam hal ini mereka menggunakan ATM supaya kita tak payah pergi ke bank. Kita pergi ke mesin ini, kita tekan dua tiga butang kita dapat duit, kita boleh tukar duit, kita boleh buat macam-macam. Jadi Kerajaan juga perlu mengguna teknologi ini untuk mengurangkan keperluan kakitangan yang bertambah dan memudahkan proses berhubung dengan orang ramai yang menghendaki sesuatu daripada kerajaan. Itu sebagai satu contoh. Jadi di masa hadapan kalau perkara itu `routine' dan tidak ada masalah kita boleh keluar lesen dengan menggunakan mesin. Hanya kalau kita hendak tahu apakah ia mempunyai rekod jenayah, barulah ada orang menyemak. Yang lain semua yang `routine' kita jalankan kerja.

En. Ahmad Talib:

Jadi kalau mengikut penerangan Doktor, seseorang kakitangan itu boleh melakukan tugasnya dengan lebih cekap dan lebih berkesan. Apakah ini sebenarnya tujuan kita atau `end objektif'?

Dato Seri:

Ini bukan `end objektif' kita. Banyak lagi kegunaan multimedia kerana manusia perlu kepada maklumat sebelum

dia membuat sesuatu. Umpamanya kalau kita tidak tahu tempat itu bahaya ataupun tidak dan kita pergi ke tempat itu mungkin kita akan cedera. Tetapi kalau kita dapat maklumat, tempat ini ada sekian-sekian, kita boleh mengatur jalan kita supaya kita elak daripada bahaya itu. Jadi dalam kehidupan manusia maklumat adalah penting. Sekarang ini kita boleh mempunyai apa juga maklumat melalui media ini. Kalau kita hendak tahu tentang sesuatu kita hendak cari ensiklopedia, kita tidak banyak memiliki ensiklopedia. Tetapi dengan menekan button di komputer internet boleh memberi `eccess' kepada umpamanya ensiklopedia di dalam Library of Congress, ensiklopedia di Britain. Semuanya kita boleh baca dan kita boleh dapat cukup maklumat. Jadi kita kena pandai pula menapis maklumat ini. Jadi `skill' yang baru diperlukan. Dengan adanya banyak maklumat kita boleh menghadapi cabaran hidup dengan lebih berjaya, lebih yakin.

En. Johan Jaaffar:

Dan ini adalah salah satu daripada `competitive advantage' ataupun kelebihan kompetitif yang harus dikekalkan oleh negara-negara masa kini untuk menghadapi cabaran masa depan. Tetapi dalam konteks Malaysia Dato Seri, apakah misalnya selain daripada aspek kelebihan kompetitif yang hendak kita kekalkan ini? Kita juga harus dapat mengawasi atau menjadi dominan dalam soal multimedia ini untuk membuktikan bahawa kita lebih baik daripada jiran-jiran kita ataupun kita lebih baik daripada orang lain dalam konteks ini.

Dato Seri:

Buat sekian lama kita berada di atas satu persamaan dengan negara maju pun kerana semuanya bermula waktu ini. Jadi kita diberi peluang. Kalau kita tidak ambil peluang ini kita biarkan mereka jauh ke hadapan, kemudian untuk mengajar mereka menjadi perkara yang susah. Sekarang ini mereka pun tidak begitu faham dan kita hendak guna pengetahuan mereka, tenaga mereka, kekayaan mereka untuk meningkatkan kebolehan kita dan ini satu peluang yang kalau kita `miss' takkan ada lagi. Sebab itu kita tak boleh tunggu orang lain, kita kena buat juga.

En. Ahmad Talib:

Doktor, seorang pelopor internet, Clifford Stoll dalam bukunya `The Silicon Snake Oil' memberi `warning' tentang kegunaan ataupun salah guna internet dan lebuhraya maklumat multimedia. Apakah kita juga harus berwaspada sepertimana yang dia cakap?

Dato Seri:

Kita harus berwaspada. Apa juga yang kita tahu, apa juga alat yang kita guna mempunyai dua kesan. Satu kesan baik dan satu kesan buruk. Sama seperti sebilah pisau. Kita boleh guna pisau itu untuk mengukir sesuatu yang begitu cantik, kita juga boleh guna pisau itu untuk menikam kawan supaya dia mati. Jadi terpulang kepada kita sama ada kita hendak guna sesuatu itu untuk kebaikan

ataupun keburukan. Tetapi kita kena faham kuasa alat yang ada di tangan kita. Maklumat ini, macam mana hendak gunakannya kita mesti tahu, supaya kita dapat faedah daripadanya.

En. Johan Jaaffar:

Dato Seri bagi mewujudkan koridor ini selain daripada aspek digital, ia melibatkan juga aspek fizikal, maksudnya ada tanah rakyat yang akan diambil, jalanraya yang akan dibina, bangunan yang akan didirikan dan di kawasan yang sebahagiannya merupakan kawasan orang Melayu, dan mereka mula bertanya apakah mereka sahaja yang harus menjadi korban dalam pembangunan ini. Apakah komen Dato Seri tentang hal ini?

Dato Seri:

Tidak juga. Kalau kita tidak buat yang ini kita buat yang lain, tanah itu kita ambil juga. Mungkin hasilnya tidak begitu. Tetapi ini adalah satu daripada usaha yang dianggap penting bagi negara dan kita tidak merampas harta benda orang. Kalau kita ambil kita bayar pampasan dan kadang-kadang pampasan sekarang ini begitu tinggi sekali. Tanah yang mereka beli dengan harga RM500 sahaja satu ekar, sekarang ini dijual dengan harga diantara RM250,000 hingga RM500,000 satu ekar. Apakah ini ketidakadilan? Kalau kita tidak ada rancangan ini, umpamanya kalau kita tidak buat KLIA, tanah di situ cuma RM5,000 sahaja satu ekar. Sekarang cuba hendak beli tengok, kalau tidak bayar RM250,000 kita tak dapat, sekarang dijual ikut berapa kaki persegi. Dan ini bermakna bahawa kita memperkayakan mereka. Terpulanglah kepada mereka kalau dah dapat duit itu, nak habiskan hari ini ataupun nak labur ataupun nak buat apa-apa.

En. Ahmad Talib:

Dr. saya nak tanya pasal persiapan tadi, Saudara Johan menyentuh tentang persiapan umpamanya kalau kita nak memasuki era maklumat yang begitu canggih dan kalau kita nak gunakan dengan berkesan kita perlu umpamanya mengadakan komputer. Dalam masyarakat kita saya rasa banyak lagi orang yang belum tahu tentang komputer malah mungkin orang yang lebih dewasa daripada kita di kampung umpamanya tidak pernah pun melihat komputer sedangkan komputer digunakan dalam hidup dia hari-hari. Jadi bagaimana Dr., sedangkan satu masyarakat ataupun satu golongan masyarakat tidak kenal langsung 'the basic concept of computerisation', kita sudah sekarang ini pergi kepada satu yang lebih canggih iaitu 'Multimedia Super Corridor'.

Dato Seri:

Sama juga dengan pengenalan kereta bermotor. Di zaman kereta lembu ada orang yang beli kereta bermotor. Jadi apakah dengan kerana yang lain masih perlu gunakan kereta lembu maka kita tidak benarkan kereta bermotor digunakan oleh orang lain. Dengan adanya permulaan itu, hari ini kita penuh dengan kereta bermotor. Sekarang

kereta bukan main banyak. Jadi kena ada permulaan, satu hari semua orang akan ada komputer dalam poketnya. Dia akan keluar dan dia boleh guna dengan mudah.

En. Johan Jaaffar:

Dato Seri saya ingin tanyakan dalam konteks orang Melayu khususnya. Ada pandangan menyatakan bahawa orang Melayu biasanya agak lambat dan lembab bila berdepan dengan soal teknologi ini dan apakah yang patut dibuat supaya mereka tidak terlalu ketinggalan dalam konteks ini?

Dato Seri:

Yang pertamanya tak semua orang Melayu lemah bahkan kita dapati ramai orang muda yang berpelajaran begitu 'advance' sekali dalam bidang teknologi maklumat ini sehingga mereka bekerja di Hollywood untuk membuat macam-macam yang kita takpun terfikir. Jadi sama ada orang Melayu boleh guna komputer ini ataupun tidak terpulang kepada pemilihan mereka. Kalau kita awal-awal lagi membuat anggapan bahawa kita tidak boleh, maka kita sudah tentu tidak akan cuba dan dengan itu tidak akan boleh. Saya yakin kita boleh dan kita jangan takut kepada komputer ini. Sepanjang masa, penggunaan komputer ini dimudahkan. Kalau dulu kita mesti tulis programnya sendiri baru kita boleh guna komputer dan untuk menulis program ada sistem-sistem yang begitu susah sekali untuk menguasainya, hanya beberapa kerat orang sahaja yang tahu. Sekarang ini dengan menggunakan 'mouse' kita boleh picit dan kita boleh dapat semua maklumat dan ini pun akan dipermudahkan lagi.

En. Johan Jaaffar:

Dalam konteks ini Dato Seri ada yang mengatakan juga bahawa orang Melayu lebih senang misalnya membelikan gelang tambahan untuk isteri, membesarkan rumah, menukar kereta baru dan sebagainya. Tetapi apabila melabur dalam konteks komputer ini mereka sedikit lambat, apa komen Dato Seri dalam soal ini? Saya tidak bercakap tentang sebahagian tetapi segelintirnya mungkin ada pandangan sedemikian.

Dato Seri:

Ya, orang Melayu sekarang ini bukan macam orang Melayu yang lama. Dah tukar dah, sekarang ini pun budaya kita dah berbeza. Yang dulu kita tak sanggup buat, sekarang kita sanggup buat. Yang dulu kita tak boleh, sekarang kita boleh dan kita berjaya dalam bidang-bidang itu. Saya yakin sementara akan ada orang yang hendak gelang tetapi lebih banyak akan membeli komputer di zaman akan datang.

En. Ahmad Talib:

Apakah Dr. sudah berpuashati, selepas berulang-alik ke pelusuk negara, menengok dan meninjau perkembangan dan kemajuan negara, dengan penggunaan komputer. Bukan hanya setakat Kerajaan umpamanya tetapi di swasta dan di kalangan rakyat biasa ataupun di kalangan penuntut?

Dato Seri:

Saya tidak pernah puas hati. Itu dah jadi tabiat. Saya hendak lebih lagi tetapi hakikatnya ialah kita lebih `advance' dari banyak negara membangun yang lain, walaupun kita ketinggalan kalau dibandingkan dengan negara yang sudah maju. Di antara negara yang sudah maju pun ada juga yang ketinggalan dan mereka sendiri pun berasa mereka lemah dalam bidang ini. Jadi hanya dengan kerana ini tidak bermakna bahawa kita tidak perlu berusaha.

En. Johan Jaaffar:

Banyak teknologi seperti teknologi maklumat ini akan menjarakkan di antara mereka yang berada dengan yang tidak berada, mereka yang berilmu dengan yang tidak dan mereka yang di bandar dengan yang di luar bandar, apa komen Dato Seri tentang soal ini?

Dato Seri:

Sekarang pun keadaan macam itu, tetapi ada kemungkinan anak daripada orang di luar bandar ini akan menguasai komputer, mungkin akan mengeluarkan komputer sendiri, akan menulis program-program komputer dan sebagainya. Kita jangan menidakkan kebolehan kita sendiri dan kalau kita tidak cuba kita tidak akan tahu sama ada kita boleh atau tidak boleh. Kalau kita pandang dari sudut yang negatif sahaja kita tidak akan buat apa pun. Umpamanya jangan beli kereta kerana kita baca hari-hari banyak orang mati kerana membawa kereta, jadi jangan pakai kereta. Jangan ada jalan, kalau ada jalan banyak orang hendak jalan, dengan kerana dia berjalan maka akan ada `accident'. Jadi kerana tak ada jalan tak ada `accident', tak ada kereta tak ada `accident', kita duduk di rumah. Tetapi kebanyakan orang mati atas katil tengah tidur. Kalau pergi tidur di situlah tempatnya kebanyakan manusia mati, jadi jangan tidurlah.

En. Ahmad Talib:

Dalam kita menuju kepada era maklumat yang lebih canggih, apakah kita cukup dengan tenaga mahir, apakah kita cukup prasarana untuk melatih tenaga mahir sebelum kita pergi lebih jauh?

Dato Seri:

Tak cukup, dan saya yakin sampai bila pun tak cukup kerana kita selalu nak buat lebih daripada itu. Bila kita nak buat lebih daripada yang kita ada, maka kita perlu membekalkan untuk yang lebih ini dan jarak antara kemahuan dengan perbekalan ini mesti ada. Selalunya tidak mencukupi dan ini adalah satu keadaan yang kita harus bersyukur dengannya kerana kebanyakan negara mereka mempunyai tenaga yang lebih tetapi peluang kerja tidak ada. Di Malaysia ada sahaja kebolehan ada kerja menunggu.

En. Ahmad Talib:

Apabila Dr. sebut tentang Hollywood, saya tertarik hati dengan Hollywood ini, pasal wayang, Clint Eastwood dan sebagainya. Sudah ada pula pihak yang menyatakan, dah Dr. Mahathir dah pergi Hollywood dia nak bawa balik benda-benda apa ni. Mungkin Dr. boleh terangkan sedikit bagaimana kaitan Multimedia Super Corridor ataupun multimedia dengan Hollywood ini, dalam kontek apa?

Dato Seri:

Yang kita nak bawa ke sini ialah teknologi membuat filem kerana sekarang ini kita boleh buat filem tanpa aktor. Dengan menggunakan gambar lama kita boleh menggerakkan gambar itu supaya boleh membuat sesuatu yang dibolehkan dengan komputer. Umpamanya dalam gambar Forest Gump, dia bersalam dengan presiden yang sudah mati dan presiden itu bercakap dengan dia. Sekarang ini kita boleh sebenarnya ambil gambar John Wayne yang lama atau P. Ramlee yang lama suruh dia menyanyi lagu lain, dia boleh buka mulut menyanyi dengan menggunakan komputer. Itu teknologi yang sekarang ini masih dalam proses 'development' yang kita nak bawa ke Malaysia, bukan kita nak bawa filem studio, bawa filem Clint Eastwood datang sini.

En. Johan Jaaffar:

Malah sudah ada kecaman mengatakan bahawa kita berminat nampaknya membawa masuk keganasan, kemungkaran dan nilai buruk daripada Hollywood ke mari.

En. Ahmad Talib:

Bagaimana kita boleh menangani anggapan ini, bagaimana kita boleh memperbetulkan anggapan ini?

Dato Seri:

Semua ini sedang masuk ke dalam Malaysia tetapi kita tak boleh nak sekat kemasukan kepada individu. Tetapi kalau individu itu membuat salinan 'hard copy' dan mengedarkan 'copy' itu, itu menyalahi undang-undang. Kita tidak ada kuasa untuk menghalang kemasukan semua ini, jadi kalau tak dapat halang kalau dibuat di tempat ini pun kita tak ada apa-apa, tetapi kalau diedar, dihebah itu salah, itu kita akan sekat.

En. Johan Jaaffar:

Dato Seri, salah satu daripada industri yang paling hebat dan paling rancak menggunakan teknologi komputer ini ialah industri perfileman yang Dato sebutkan tadi dan sebahagian besar misalnya daripada filem-filem sekarang yang menggunakan kesan effect luarbiasa. Jurassic Park, Twister, Forest Gump dan sebagainya merupakan satu kemajuan dalam bidang komputer yang saya fikir telah meninggalkan negara-negara lain, misalnya puluhan malah ratusan tahun di belakang, tetapi apakah misalnya aspek yang paling penting dari segi teknologi itu sendiri yang sebenarnya kita betul-betul berminat, Dato Seri, aspek yang mana yang relevan untuk kita bawa ke MSC.

Dato Seri:

Ya, yang penting sekali ialah jika orang lain boleh buat kita perlu mempunyai kebolehan yang sama. Jadi kalau mereka boleh mengambil gambar saya dan menunjuk bahawa saya membuat ucapan yang memaki hamun ataupun menghinakan agama Islam umpamanya, jadi ini kalau kita tidak ada kemampuan kita tidak boleh mempertahankan diri kita, tidak boleh buktikan bahawa ini bukan jenayah sebenar. Ini adalah perbuatan mereka sepertimana laporan-laporan majalah mereka, mereka membuat satu laporan yang tidak kena. Kita perlu ada kebolehan untuk menangkis itu. Sebab itu kita perlu tahu bagaimana membuat semua ini, dengan itu kita bolehlah mempertahankan diri kita.

En. Ahmad Talib:

Jadi dalam lawatan Dr. ke Jepun dan ke Amerika untuk memajukan konsep multimedia koridor Dr. mengajak umpamanya pakar asing dan pelabur asing untuk masuk ke dalam MSC. Dalam kontek yang Dr. baru sebutkan tadi bagaimana kita boleh kawal mereka supaya tidak menggunakan koridor ini untuk memajukan hanya kepentingan diri mereka dan bukan kepentingan kita?

Dato Seri:

Kita bawa ke kawasan yang terhad, di situ kita tak hendak halang mereka tetapi kita nak perhatikan apa yang mereka buat. Tidak dapat tidak sedikit sebanyak daripada teknologi mereka itu akan diperolehi oleh kita kerana pekerja-pekerja lain akan terdiri daripada orang kita. Terpulang kepada kita kalau kita nak belajar ataupun tidak. Kalau kita tak hendak kita tak dapat apa. Tetapi kalau kita sekat mereka daripada masuk ke sini mereka boleh pergi ke tempat lain dan kesan usaha mereka itu akan dirasai oleh kita kerana sepertimana yang saya katakan tadi bidang maklumat ini tidak ada sempadan, mereka boleh membuat apa saja daripada tempat lain dan kita tak dapat manfaat apa pun. Adalah lebih baik mereka datang di sini mereka melabur di sini, orang kita dapat kerja, dapat mempelajari dan kita dapat membangunkan negara kita yang sesuai dengan zaman ini.

En. Johan Jaaffar:

Salah satu daripada langkah penting yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan kejayaan MSC ini ialah menubuhkan Multimedia Development Council untuk majlis pembangunan multimedia. Boleh Dato Seri komen tentang penubuhan ini?

Dato Seri:

Kita perlu kepada Council ini kerana ini adalah satu perkembangan baru yang tidak semua daripada kita faham. Ada di antara kita yang faham sedikit itu dan ada yang faham sedikit ini. Jadi dengan adanya Council ini kita boleh bincang tentang apa dianya kecapaian sekarang ini dan masa depan, ke arah mana kita akan pergi dan kalau kita boleh faham ini maka kita boleh rancang perkembangan di dalam negara kita supaya manfaat itu dapat kepada

kita. Kalau kita cuma biar orang lain menentukan ini dan kita tidak tahu apa yang mereka buat, maka kita tak mungkin dapat manfaat daripada sesuatu perkembangan yang kita tidak dapat menahan. Ia akan terjadi sama ada kita suka ataupun tidak suka.

En. Ahmad Talib:

Dalam ucapan Dr. di Seremban pada hari Isnin hari itu Dr. Kata `responce' daripada pelabur asing tentang MSC ini begitu menggalakkan ataupun `overwhelming'. Boleh Dr. bagi `detail' sedikit tentang itu.

Dato Seri:

Ya, mereka berpendapat bahawa inilah satu usaha yang menepati kehendak mereka, tempat-tempat lain tidak menentukan kawasan, tidak menentukan undang-undang, tidak mempunyai dasar, tidak memberi tumpuan dan kemudahan untuk membuat percubaan dan sebagainya tetapi dalam Multimedia Super Corridor ini kita sedia kawasan, kita sedia undang-undang yang khusus untuk multimedia. Kita sediakan dasar dan amalan yang sesuai dengan dasar itu. Kita mempunyai sebuah Kerajaan (pusat pentadbiran) yang ditempatkan di situ, kita boleh buat percubaan tentang `electronic government' umpamanya dan kita akan adakan `infrastructure' yang cukup. Jadi segala-segala yang kita fikir diperlukan oleh industri ini akan kita adakan ditempat ini. Sebab itu mereka begitu excited sekali dengan MSC. Di negara lain mereka cuma kata kami akan pasang kabel. Kabel saja tak cukup, undang-undang tak ada, dasar tak ada, sikap pegawai Kerajaan tidak ditentukan. Kita buat semua `on a broad front'. Sebab itu mereka menyambut baik.

En. Ahmad Talib:

Tidak Dr. ragu dengan adanya begitu ramai pakar multimedia umpamanya Bill Gates, satu masa nanti mereka akan menguasai kita daripada segi dasar, daripada segi pengaruh dan sebagainya. Sedang kita jemput dia untuk membantu kita dan bila mereka datang tidakkah satu masa nanti ada insuran bagi kita supaya perkara ini tidak berlaku.

Dato Seri:

Seperti saya sebutkan tadi sekarang ini soal sempadan tidak timbul lagi. Sama ada mereka buat di sini atau pun buat di tempat lain kesan terhadap kita adalah sama. Jadi manfaatnya kurang kalau dibuat di tempat lain. Sebab itu kita buat di sini supaya kita boleh lihat dan kita tahu dan kita boleh faham cara mana menangani masalah seperti ini. Kalau kita tidak buat pun dia buat dia punya `windows 95' di tempat lain, kita guna juga. Kalau dia buat apa-apa sistem pun kita terpaksa menggunakannya juga. Kita tidak boleh tolak. Apa salahnya kalau dia datang buat di sini.

En. Johan Jaaffar:

Dato Seri menyebutkan tentang terdapatnya beberapa orang

rakyat Malaysia sendiri yang sekarang ini terlibat dalam teknologi yang canggih malah terlibat dalam pembikinan filem yang kompleks yang menggunakan multimedia dan sebagainya. Kalau dapat Dato Seri berikan bayangan berapa ramai agaknya anak-anak tempatan kita yang sekarang ini berada di luar negara yang terlibat secara langsung atau aktif dalam media itu.

Dato Seri:

Tidaklah begitu ramai tetapi hakikatnya ada dan mereka begitu canggih sekali dalam bidang ini dan saya berpendapat bahawa kebolehan ini boleh diedar kepada lebih ramai daripada rakyat kita. Kalau mereka berada di sini dan menunjuk macam mana komputer ini boleh digunakan untuk membuat itu dan ini, sebenarnya kita dahulu tidak guna komputer langsung. Sekarang ini di Proton umpamanya mereka boleh design kereta dengan menggunakan komputer, masukkan datanya kita nampak gambar kereta itu kita boleh pusing kereta itu tengok daripada depan, daripada belakang, daripada bawah, daripada atas dan daripada komputer itu data itu boleh transfer direct kepada mesin yang akan potong dia punya `mould' dan kita boleh buat kereta. Dahulu kita tak tahu. Budak-budak yang membuat ini dahulu tidak pernah tengok komputer jadi sekarang dia boleh buat. Kalau dia boleh belajar apa salahnya orang lain belajar. Kita akan mencari jalan supaya softwarenya menjadi lebih mudah. Kita dah progress daripada menulis program sendiri kepada penggunaan icon dan mouse. Kita tekan sahaja dia keluar. Mungkin ada cara kita memudahkan lagi daripada itu supaya semua orang boleh guna komputer sepertimana semua orang dahulu tidak pernah guna ATM, tetapi sekarang ini pergi tekan dua tiga boleh dapat (wang).

En. Johan Jaaffar:

Dalam konteks ini Dato Seri, sebahagian daripada rakyat kita ingin bertanya misalnya dari segi pendidikan agama, dari segi penyebaran syiah Islam dan sebagainya, dalam konteks ini, bagaimana misalnya komputer boleh memberikan sumbangan yang lebih berkesan.

Dato Seri:

Saya dapati bahawa mempelajari Quran sekarang ini begitu mudah. Kita pakai CD Rom. Kita boleh cari ayat yang kita hendak, kita boleh dengar ayat itu dibaca. Kita boleh baca terjemahannya dalam bahasa kebangsaan, dalam bahasa Inggeris dan ulasannya. Jadi mempelajari Quran melalui komputer lebih mudah daripada membaca Quran kerana kita hendak cari, hendak tanya orang. Ini kita hendak tahu umpamanya apa Quran kata berkenaan dengan keadilan, kita cuma tekan perkataan adil ataupun keadilan dan keluar semua ayat berkenaan dengan keadilan, indexnya. Kita boleh baca, kita boleh tahu tafsirannya, Yusof Ali ke, siapa ke punya tafsiran. Ia memudahkan proses mendapat maklumat dan membaca Quran merupakan maklumat. Hadis juga demikian. Jadi proses perkembangan agama boleh ditingkatkan kalau kita pandai menggunakan

komputer.

En. Johan Jaaffar:

Jadi tidak benarlah ada setengah anggapan yang mengatakan bahawa Islam sebenarnya tidak mahu hal-hal yang seperti ini diperbesar-besarkan, sebaliknya hal-hal yang melibatkan dakwah dalam konteks yang sempit itu yang harus ditekankan Dato Seri?

Dato Seri:

Ini pendapat sesetengah orang yang ingin menyembunyi ajaran agama sebab itu kita tahu banyak yang ada dalam Quran itu yang tidak pun diterangkan kepada kita. Sebaliknya dengan ada komputer ini kita boleh baca seluruh Quran dan kita akan dapat lebih banyak maklumat berkenaan dengan agama kita yang boleh menyakinkan kita lebih lagi, menguatkan iman kita.

En. Ahmad Talib:

Bagaimana dengan unsur dalam Multimedia Super Corridor ini, saya terbaca satu universiti akan didirikan di sana dan dalam ucapan Dr. di Seremban pun Dr. menekankan aspek pendidikan, bagaimana dengan progress itu?

Dato Seri:

Ya, kita berharap kita dapat pecah tanah dalam bulan Mac ini dan kita akan binakan universiti. Tapi bangunan bukan sepeenting ilmu dan ilmu ini perlu datang daripada mereka yang fasih dan faham dalam bidang multimedia ini, penggunaan maklumat, cara menganalisa maklumat, cara mengguna komputer, engineering berkenaan dengan komputer design, macam-macam lagi yang merupakan ilmu baru dan kita perlu ada satu universiti yang digunakan untuk memperluaskan ilmu ini.

En. Ahmad Talib:

Tenaga mengajar bagaimana Dr.? apakah kita juga akan menggunakan tenaga asing?

Dato Seri:

Kita dulu pun dalam semua bidang kita guna tenaga asing. Banyak pelajaran dalam universiti sekarang ini bukan diasaskan daripada kita. Kita belajar daripada orang dari Eropah dan bahkan orang Eropah dulu belajar daripada orang Islam dalam bidang perubatan umpamanya. Jadi kalau kita nak kata cuma ilmu yang kita terokai sahaja yang kita akan belajar kita akan jadi bodoh.

En. Johan Jaaffar:

Dato Seri bila kita bercakap tentang teknologi multimedia ini kita mahu tidak mahu akan bercakap tentang satu masyarakat yang berbeza orang menggunakan istilah masyarakat cyber atau cyber society yang menggunakan ekonomi digital dan sebagainya. Tetapi bolehkah Dato Seri bayangkan masyarakat yang bagaimanakah yang akan kita lahirkan apabila kita sudah mencapai keupayaan menangani

aspek multimedia dalam kontek kita, Dato Seri?

Dato Seri:

Masyarakat kita sekarang ini pun semakin banyak pengetahuan, semakin banyak ilmu terdedah kepada semakin banyak maklumat dan kadang-kadang maklumat ini sekarang ini pun `confusing' yang menyebabkan kita terkeliru. Jadi kita kena ajar diri kita bagaimana membuat analisa berkenaan dengan maklumat dan kalau kita pandai membuat analisa maka kita akan dapat faedah daripada maklumat yang kita terima, sama seperti saya katakan tadi kalau kita nak pergi ke sesuatu tempat yang merbahaya tetapi kalau kita tahu cara mengelak bahaya itu dengan kerana kita ada maklumat, kita akan selamat. Demikian juga dalam semua bidang kita harus tahu maklumat yang cukup, tahu menganalisisnya, mengenal yang mana baik, yang mana buruk dan memilih membuat pilihan. Kita harap kita pilih yang baiklah.

En. Ahmad Talib:

Projek MSC ini Dr. satu projek raksasa yang begitu besar dan sudah tentu mempunyai risikonya tersendiri, bagaimana kita melihat itu, bagaimana kita boleh mengurangkan kemungkinan ia gagal umpamanya kerana kalau tidak mendapat sokongan penuh semua pihak. Sekarang Kerajaan sudah memberi begitu banyak galakan tetapi penyertaan daripada orang ramai daripada rakyat biasa kalau tidak ada ia mungkin tidak mencapai tujuan dan hasrat yang dicita-citakan. Bagaimana boleh kita mengurangkan risiko yang ia mungkin tidak begitu berjaya sepertimana yang kita harapkan?

Dato Seri:

Risiko memang ada tetapi setakat mana kita boleh mengurangkannya itu adalah sesuatu yang sebenarnya kita tidak boleh tahu sekarang ini kerana kalau kita takut mengambil `risk' maka kita tidak akan berjaya. No risk, no gain kata orang. Kalau apa juga kita buat, macam kita nak buat kereta proton banyak orang kata ini bukan kerja negara membangun. Tapi sekarang ini semua orang kata ini baik. Banyak benda yang kita buat orang kata tak mungkin berjaya, tapi kita `took the risk'. O.K. ada bahayanya tapi kita cuba. Ada masalah kita cari jalan untuk mengatasi masalah.

En. Ahmad Talib:

Apakah Dr. rasa setengah pihak yang tidak mahu menceburkan diri dalam multimedia ini kerana dia tidak cukup yakin pada diri dia ataupun sengaja tidak mahu melangkah ke satu era yang boleh memajukan diri mereka lagi ataupun mereka tidak cukup sumber, sumber kewangan umpamanya?

Dato Seri:

Kita dapati orang yang berumur sedikit, orang yang lebih daripada 40 tahun agak takut kepada komputer. Dia berasa ini adalah satu perkara yang baru yang dia tak

mungkin menguasai. Tetapi ini pendiriannya ataupun pendapatnya saja. Sebenarnya komputer sekarang ini lebih mudah digunakan daripada dahulu. Saya ini yang umur lebih daripada 40 tahun pun boleh juga menggunakan komputer. Tidaklah pandai, selalu kena panggil orang tunjuk tetapi boleh juga tekan `mouse' itu sikit-sikit. Kita boleh, kita kena yakin kita boleh dan sedikit hari kita akan dapat menguasai komputer.

En. Johan Jaaffar:

Kalau diterjemahkan dari segi peratusan dalam konteks pertumbuhan ekonomi misalnya Dato Seri, dapatkah Dato Seri bayangkan berapa banyak agaknya sumbangan dari segi peratusan itu ke arah misalnya pertumbuhan ekonomi kalau dikaitkan dalam soal multimedia ataupun industri yang berkaitan dengan multimedia untuk masa depan negara kita.

Dato Seri:

Saya amat yakin semakin lama multimedia akan menjadi lebih penting sehingga kita boleh kata, tanpa multimedia kita tidak boleh membuat sesuatu. Umpamanya sekarang ini dalam bidang telemedicine, kita boleh guna pakar daripada dunia untuk membuat diagnosis berkenaan dengan penyakit sesiapa sehingga dia itu duduk di Amerika dia boleh tengok pesakit yang ada di Malaysia, dia boleh periksa orang itu dengan kerjasama orang yang ada di sini, dia boleh buat analisis, dia boleh buat `reference' kepada buku-buku yang ada dan dia boleh buat keputusan. Bila kita sudah sampai kepada tahap itu kita tak akan puas hati lagi hanya berjumpa doktor di dalam pejabat dia, kita kata doktor ini tidak cukup pengetahuan. Sesuatu itu tidak dianggap sebagai penting sehingga kita sudah biasa, dengan ianya menjadi sebahagian daripada kehidupan kita. Apabila ia menjadi sebahagian daripada kehidupan kita kalau ianya tidak ada kita rasa kehilangan sesuatu.

En. Johan Jaaffar:

Nampaknya rakyat Malaysia harus mempersiapkan diri bagi menghadapi kemungkinan bahawa cara kita bekerja akan berubah, cara kita berfikir akan berubah, cara kita berkomunikasi akan berubah malah lebih penting daripada situ cara kita berkerajaan juga akan berubah. Boleh Dato Seri komen tentang hal ini?

Dato Seri:

Ya, saya fikir tak dapat tidak rakyat mesti sedar bahawa ini adalah sesuatu yang sedang mara dengan begitu pantas ke arah kita. Sama ada kita suka, tak suka ia akan sampai dan dengan itu kita harus buat persediaan dan hakikat ini kita terima bahawa inilah cara yang akan datang dan lebih baik dan lebih banyak kita buat persediaan lebih terselamatlah kita. Jadi janganlah kita cuba menghentikan proses ini. Kita tak mungkin boleh menghentikannya.

En. Johan Jaaffar:

Ya, setengah orang mungkin takut dengan teknologi kerana

mereka tidak biasa dengan teknologi, Dato Seri. Kita sebenarnya telah mendapat banyak manfaat daripada pertemuan kali ini Dato Seri dan saya bagi pihak RTM mengucapkan berbilang terima kasih kerana kesudian Dato Seri untuk hadir bersama dalam studio pada kali ini. Kepada saudara Ahmad Talib diucapkan terima kasih banyak-banyak dan moga-moga pertemuan kali ini untuk membincangkan aspek yang memang banyak diperkatakan, tetapi saya katakan banyak juga salah faham mengenainya, akan dapat perjelaskan beberapa persoalan terutama di kalangan rakyat kita sendiri berhubung dengan MSC dan Koridor Raya Multimedia ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih. Assalamualaikum warahtullahitaala wabarakatuh.